



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

UJIAN KHAS TERBUKA

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi memohon jawatan berikut:

PEMANDU KENDERAAN GRED H11 (KONTRAK / TETAP) (LELAKI / WANITA)

A. JAWATAN	: PEMANDU KENDERAAN (LELAKI / WANITA)
KEKOSONGAN JAWATAN	: 40
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
TARAF JAWATAN	: KONTRAK / TETAP
GRED JAWATAN/GAJI	: GRED H11 RM1,218.00 - RM2,939.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dengan memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu dan Lulus (sekurang-kurangnya Gred E) dalam 4 subjek yang lain termasuk Matematik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **atau**
- Penilaian Menengah Rendah (PMR) dengan memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu dan Lulus (sekurang-kurangnya Gred D) dalam 4 subjek yang lain termasuk Matematik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **dan**
- Memiliki lesen memandu Kelas E/E1/E2 berkenaan yang masih sah dan dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P); **dan**
- Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang meliputi oleh skim perkhidmatan ini.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

B. UMUR

Calon-calun hendaklah berumur 21 tahun hingga 35 tahun pada tarikh Ujian Khas Terbuka.

C. SYARAT LESEN MEMANDU

Calon-calun hendaklah **memiliki lesen memandu kelas E/E1/E2 (Lesen kenderaan bas dan lori sahaja)**, yang masih sah dan dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P).

D. SYARAT PELANTIKAN

Calon-calun dikehendaki melayari portal Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (www.dbkl.gov.my) untuk menyemak kelayakan dan melihat keseluruhan iklan bagi jawatan di atas.

E. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

Calon-calun dikehendaki **membawa dokumen asal dan salinan yang telah disahkan** seperti berikut semasa Ujian Khas Terbuka:

- (i) **KAD PENGENALAN;**
- (ii) **SIJIL KELAHIRAN;**
- (iii) **SIJIL PENTAKSIRAN TINGKATAN TIGA (PT3) / PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR);**
***SLIP KEPUTUSAN PENTAKSIRAN TINGKATAN TIGA (PT3) / PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR) TIDAK DITERIMA;**
- (iv) **SIJIL DIGITAL LENGKAP VAKSINASI COVID-19;**
- (v) **LESEN MEMANDU KELAS E/E1/E2, YANG MASIH SAH DAN DIKELUARKAN OLEH JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ) KECUALI LESEN MEMANDU DALAM TEMPOH PERCUBAAN (P);**
- (vi) **SEKEPING GAMBAR TERBARU BERUKURAN PASPORT.**

CATATAN

- (i) Semua dokumen salinan yang dinyatakan di atas perlu disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 dan ke atas, Wakil Rakyat / Senator, Pesuruhjaya Sumpah, Penggawa / Penghulu / Temenggung / Ketua Kampung / Tuai Rumah / Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) / Ketua Kaum / Ketua Masyarakat / Penyelia Pembangunan Mukim (PPM). Pengesahan selain daripada kumpulan yang dinyatakan adalah tidak sah;
- (ii) Calon dikehendaki berpakaian t-shirt warna putih, seluar panjang sukan (*track bottom*) berwarna hitam dan kasut sukan;
- (iii) Kegagalan calon menyediakan dokumen yang dinyatakan di atas boleh mengakibatkan calon tidak dibenarkan untuk menjalani Ujian Khas Terbuka ini; dan
- (iv) Hanya calon-calun yang berjaya melepasi semua peringkat Ujian Khas Terbuka sahaja akan dipanggil ke peringkat seterusnya.

TARIKH BUKA IKLAN : 20 JULAI 2022 (RABU)